

**PENILAIAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
TARANNUM AL-QURAN DI KUALA LUMPUR
DAN SELANGOR**

MAZHAIK SHAHROZ BIN MUHASIP

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN ISLAM
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2014

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Quran di Malaysia melibatkan Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) yang berdasarkan Model Penilaian CIPP Stufflebeam 2003. Kajian ini melibatkan 30 guru KKQ di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor serta 130 orang pelajar tingkatan empat di Kuala Lumpur. Reka bentuk kajian ini menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Empat instrumen kajian telah dibina sendiri oleh penyelidik dan disahkan kandungannya oleh panel rujukan pakar. Dapatan kajian menunjukkan elemen penilaian konteks berada pada tahap tinggi (min=4.40, sp=0.17). Dapatan penilaian proses pula mendapati elemen strategi, penggunaan ABM dan kaedah penilaian berada pada tahap sederhana tinggi (min= 3.96, sp= 0.45) menurut persepsi guru dan tahap sederhana rendah (min=2.95, sp= 0.43) menurut persepsi pelajar. Dapatan penilaian produk berada pada tahap tinggi (min=4.11, sp=0.27) menurut persepsi guru dan sederhana tinggi (min=3.69, sp=0.46) menurut persepsi pelajar. Analisis inferensi menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian tarannum berdasarkan latar belakang ibu bapa pelajar KKQ ($P=0.047$, $p<0.05$). Dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara proses pengajaran guru dengan pencapaian tarannum pelajar ($r=0.603$, $p<0.01$) dan hubungan yang signifikan antara proses pembelajaran pelajar dengan pencapaian tarannum pelajar ($r=0.232$, $p<0.01$). Implikasinya kajian ini mencadangkan agar perubahan homeostatik dapat dilakukan terhadap pengajaran guru dalam penilaian konteks dan penilaian produk. Manakala perubahan inkremental perlu dilaksanakan terhadap pengajaran guru dalam penilaian proses dan pembelajaran pelajar dalam penilaian produk. Perubahan neomobilitik pula perlu dilaksanakan bagi semua elemen pembelajaran pelajar dalam penilaian proses.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**AN EVALUATION OF THE IMPLEMENTATION OF TEACHING AND
LEARNING OF THE TARANNUM OF AL QURAN IN
KUALA LUMPUR AND SELANGOR**

ABSTRACT

This study aims to evaluate the implementation of teaching and learning of the tarannum of *al-Quran* in Malaysia involving Al Quran recitation and memorization skill classes (KKQ) based on the Stufflebeam Evaluation Model 2003. The study involved 30 KKQ teachers in Kuala Lumpur, Putrajaya and Selangor area as well as 130 form four students in Kuala Lumpur. The research design combines quantitative and qualitative methods. Four instruments were developed by the researcher and verified by a panel of content expert. The research finding showed that the element of context evaluation was at high level (mean=4.40, sd=0.17). The finding of process evaluation showed that the element of strategy, use of teaching aids and assessment methods were at moderate high level (mean= 3.96, sd= 0.45) based on teachers' perception and at moderate low level (mean=2.95, sd= 0.43) based on students' perception. Product evaluation was at high level (mean=4.11, sd=0.27) based on teachers' perception and at moderate high level (mean=3.69, sd=0.46) based on students' perception. Inferential analysis found that there was a significant difference on KKQ students' achievement in tarannum based on their parents' background ($P=0.047$, $p<0.05$). The finding also showed a significant correlation between the teaching process and the students' achievement in tarannum ($r=0.603$, $p<0.01$) and a significant correlation between the students' learning process and their achievement in tarannum ($r=0.232$, $p<0.01$). This study suggests that homeostatic changes be made to the teaching in the context of assessment and evaluation of the product. On the other hand incremental changes ought to be implemented with regard to the teaching in the evaluation process and student learning in product evaluation. Meanwhile, neomobilistic changes should be implemented for all elements of student learning in the evaluation of the process.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI ISTILAH	xix
TEKS RUJUKAN	xx

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4

1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Soalan Kajian	12
1.6	Hipotesis Kajian	13
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	15
1.8	Kepentingan Kajian	23
1.9	Batasan Kajian	26
1.10	Definisi Operasional	27
1.10.1	Penilaian	27
1.10.2	Pengajaran Dan Pembelajaran	27
1.10.3	Tarannum	28
1.10.4	Kelas Khas Kemahiran Al-Quran (KKQ)	29
1.11	Penutup	30

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	31
2.2	Pengajaran Dan Pembelajaran	32
2.2.1	Pengajaran	32
2.2.2	Pembelajaran	34
2.2.3	Model Penilaian Pengajaran Dan Pembelajaran	36
2.3	Pendidikan Al-Quran	41
2.3.1	Sejarah Pendidikan Al-Quran	42

2.3.2	Teori Pendidikan Al-Quran Al-Qabisi (1955)	45
2.4	Pendidikan Tarannum Al-Quran	54
2.4.1	Falsafah Pendidikan Tarannum	54
2.4.2	Matlamat Dan Objektif Pendidikan Tarannum	55
2.4.3	Panduan Pengajaran Dan Pembelajaran Tarannum	57
2.5	Huraian Konsep	82
2.5.1	Tarannum	82
2.5.2	Kelas Aliran Agama (KAA)	104
2.5.3	Kelas Kemahiran Al-Quran (KKQ)	107
2.6	Kajian Berkaitan	120
2.6.1	Model Stufflebeam (CIPP)	120
2.6.2	Kelas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran (KKQ)	125
2.6.3	Tarannum al- Quran di Malaysia	126
2.7	Penutup	131

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	132
3.2	Reka Bentuk Kajian	133
3.3	Lokasi Kajian	135
3.4	Populasi Kajian	136

3.5	Persampelan	137
3.6	Instrumen Kajian	139
3.6.1	Soal Selidik	140
3.6.2	Ujian	147
3.6.3	Temu Bual	150
3.7	Kesahan Instrumen Kajian	151
3.8	Kajian Rintis	154
3.9	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	155
3.10	Kaedah Penganalisisan data	159
3.10.1	Pengumpulan soal selidik dan ujian	160
3.10.2	Pengumpulan data temu bual	160
3.11	Tatacara Analisis Data	161
3.11.1	Analisis data kuantitatif	161
3.11.2	Analisis Perbezaan	163
3.11.3	Analisis Korelasi	164
3.11.4	Analisis data kualitatif	166
3.12	Penutup	166

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	168
4.2	Profil Responden Kajian	169
4.2.1	Profil Guru KKQ	169

4.2.2	Profil Pelajar KKQ	172
4.3.	Penilaian Konteks	174
4.3.1	Matlamat P&P Tarannum	174
4.3.2	Objektif P&P Tarannum	176
4.4	Penilaian Proses	182
4.4.1	Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran	182
4.4.2	Penggunaan Alat Bantu Mengajar	216
4.4.3	Kaedah Penilaian Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	223
4.4.4	Rumusan Penilaian Proses	231
4.5	Penilaian Produk	233
4.5.1	Pencapaian Matlamat Menurut Persepsi Guru	234
4.5.2	Pencapaian Matlamat Menurut Persepsi Pelajar	237
4.5.3	Pencapaian Objektif Menurut Persepsi Guru	239
4.5.4	Pencapaian Objektif Menurut Persepsi Pelajar	244
4.5.5	Rumusan Penilaian Produk Melalui Soal Selidik	248
4.5.6	Penilaian Produk Melalui Ujian <i>Syafawi</i>	249
4.5.7	Temu Bual Terhadap Penilaian Produk	250
4.6	Analisis Perbezaan	251
	Soalan Kajian 5	251
	Soalan Kajian 6	254
	Soalan Kajian 7	256

4.7	Analisis Korelasi	259
	Soalan Kajian 8	259
4.8	Penutup	262

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	263
5.2	Ringkasan Kajian	264
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	267
5.3.1	Penilaian Konteks	267
5.3.2	Penilaian Proses	269
5.2.3	Penilaian Produk	280
5.3.4	Faktor-Faktor Perbezaan Pencapaian	
	Tarannum Pelajar	287
5.3.5	Faktor-Faktor Perbezaan	
	Amalan Pengajaran Guru	287
5.3.6	Faktor-Faktor Perbezaan Amalan	
	Pembelajaran Pelajar	288
5.3.7	Hubungan Antara Proses Pembelajaran	
	Tarannum Al-Quran Dengan	
	Pencapaian Tarannum Pelajar	289
5.3.8	Hubungan Antara Proses Pengajaran	

	Tarannum Al-Quran Dengan	
	Pencapaian Tarannum Pelajar	291
5.4	Kesimpulan Dapatan Kajian	293
5.4.1	Rumusan Penilaian Konteks	294
5.4.2	Rumusan Penilaian Proses	296
5.4.3	Rumusan Penilaian Produk	299
5.4.4	Rumusan Keseluruhan Penilaian CIPP	299
5.4.5	Model Pelaksanaan Pengajaran Dan	
	Pembelajaran Pendidikan Tarannum Al-Quran	300
5.4.6	Model Pendidikan Tarannum Al-Quran	303
5.5	Implikasi Kajian	304
5.5.1	Implikasi Penilaian Konteks	304
5.5.2	Implikasi Penilaian Proses	305
5.5.3	Implikasi Penilaian Produk	309
5.6	Cadangan	310
5.6.1	Cadangan Kepada Kementerian	
	Pelajaran	311
5.6.2	Cadangan Kepada Sekolah	312
5.6.3	Cadangan Kepada Pelaksana P&P Tarannum	313
5.6.4	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	313
5.7	Penutup	315

RUJUKAN

316

Lampiran A1	Soal Selidik Guru	330
Lampiran A2	Soal Selidik Pelajar	347
Lampiran B	Ujian <i>Syafawi</i>	361
Lampiran C	Borang Pemarkahan Ujian Lisan	363
Lampiran D	Pakar Penilai Ujian	364
Lampiran E	Pakar Kesahan Kandungan	365
Lampiran F	Surat Pengesahan Pakar	366
Lampiran G	Pakar kesahan Instrumen Temubual	367
Lampiran H	Jadual persampelan Krecjie & Morgan	368

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Soalan kajian dan pembahagian instrumen kepada responden dalam komponen	139
3.2 Skala likert lima mata dan interpretasi komponen penilaian CIPP	141
3.3 Instrumen guru bahagian I	142
3.4 Item penilaian konteks guru	143
3.5 Item penilaian proses guru	143
3.6 Penilaian produk guru	144
3.7 Instrumen pelajar bahagian I	145
3.8 Item penilaian proses pelajar	146
3.9 Penilaian produk pelajar	147
3.10 Item penilaian produk ujian lisan	149
3.11 Nilai <i>factor loading</i> bagi soal selidik	153
3.12 Klasifikasi indeks kebolehpercayaan	156
3.13 Nilai alpha cronbach bagi soal selidik	156
3.14 Nilai pekali korelasi	157
3.15 Nilai persetujuan kappa antara penilai pakai bagi temu bual.	159
3.16 Interpretasi min dimensi tingkah laku afektif	161
3.17 Gandingan interpretasi min Nunally (1978) dan bentuk perubahan Stufflebeam (1971)	162

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDID
N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI F
3.18	Tahap pencapaian ujian tarannum al-Quran	163
3.19	Nilai pekali korelasi	165
4.1	Profil guru KKQ	171
4.2	Profil pelajar KKQ tingkatan 4 Di KAA Kuala Lumpur	173
4.3	Persetujuan guru terhadap matlamat pendidikan tarannum	175
4.4	Persetujuan guru terhadap objektif pendidikan tarannum	179
4.5	Kaedah pengajaran dan pembelajaran Tarannum Al-Quran menurut persepsi guru	184
4.6	Kaedah pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Quran menurut persepsi pelajar	188
4.7	Pola kaedah pengajaran guru dalam kalangan guru tarannum al-Quran di S1-S5	191
4.8	Teknik pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Quran menurut persepsi guru	195
4.9	Teknik pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Quran menurut persepsi pelajar	200
4.10	Pola teknik pengajaran guru dalam tarannum al-Quran	204
4.11	Aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Quran menurut persepsi guru	205
4.12	Aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Quran menurut persepsi pelajar	207
4.13	Pola aktiviti pengajaran guru dalam tarannum al-Quran	208
4.14	Adab-adab dalam pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Quran menurut persepsi guru	211
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKA
ORIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PEN
4.15	Adab-adab dalam pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Quran menurut persepsi pelajar	214

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDID
N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI F
4.16	Pola adab-adab pengajaran guru dalam tarannum al-Quran	216
4.17	Penggunaan alat bantu mengajar menurut persepsi guru	218
4.18	Penggunaan alat bantu mengajar menurut persepsi pelajar	220
4.19	Pola alat bantu mengajar dalam pengajaran guru tarannum al-Quran.	222
4.20	Kaedah penilaian dalam pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Quran menurut persepsi guru	225
4.21	Kaedah penilaian dalam pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Quran dari persepsi pelajar	228
4.22	Pola kaedah penilaian pengajaran dan pembelajaran guru tarannum al-Quran	230
4.23	Rumusan elemen- elemen proses dari Persepsi guru dan pelajar	231
4.24	Pencapaian matlamat menurut persepsi guru	235
4.25	Pencapaian matlamat menurut persepsi pelajar	238
4.26	Pencapaian objektif menurut persepsi guru.	242
4.27	Pencapaian objektif menurut persepsi pelajar	246
4.28	Rumusan penilaian produk dari persepsi guru dan pelajar	248
4.29	Ujian tarannum al-Quran	249
4.30	Pola pencapaian tarannum pelajar	250
4.31	Ujian-t perbezaan pencapaian tarannum berdasarkan jantina	251
4.32	Ujian-t perbezaan pencapaian tarannum berdasarkan latar belakang ibu bapa	252
4.33	Ujian-t perbezaan pencapaian tarannum berdasarkan lokasi tempat tinggal	253
4.34	Anova sehalu pencapaian tarannum	
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
ORIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PEN

4.35	Ujian-t perbezaan amalan pengajaran tarannum berdasarkan jantina dalam kalangan guru KKQ	254
4.36	ANOVA sehala amalan pengajaran tarannum berdasarkan pengalaman mengajar	255
4.37	Ujian-t perbezaan amalan pengajaran berdasarkan latar belakang akademik dalam kalangan guru	256
4.38	ANOVA sehala amalan pembelajaran tarannum berdasarkan latar belakang akademik dalam kalangan pelajar	257
4.39	Ujian-t perbezaan amalan pembelajaran tarannum berdasarkan jantina	258
4.40	Ujian-t perbezaan amalan pembelajaran tarannum berdasarkan latar belakang ibu bapa	258
4.41	Korelasi antara P&P tarannum dengan pencapaian pelajar	259
4.42	Korelasi antara pengajaran tarannum dengan pencapaian pelajar	261

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Muka surat
1.1	Kerangka teori pengajaran dan pembelajaran al-Quran al-Qabisi (1955)	17
1.2	Model CIPP (Stufflebeam 2003)	18
1.3	Kerangka konseptual kajian yang diubahsuai dari Model CIPP (Stufflebeam 2003)	22
2.1	Model CIPP	39
2.2	Matlamat P&P tarannum	59
5.1	Model penilaian pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Quran	301
5.2	Model pendidikan tarannum al-Quran	303

SENARAI ISTILAH

<i>Istirja^c</i>	Merujuk ayat-ayat al-Quran yang dihafaz
<i>Makruhat</i>	Perkara-perkara makruh
<i>Musyafahah</i>	Pelajar mendengar sebutan guru dengan melihat pergerakan bibir guru dan menyebutnya
<i>Syafawi</i>	Ujian secara lisan
<i>Tadarus</i>	Membaca al-Quran secara berkumpulan
<i>Talaqqi</i>	Pertemuan bersemuka dengan guru memberikan contoh bacaan dan pelajar mengikut bacaan guru
<i>Takrar</i>	Membaca al-Quran secara berulang-ulang kali
<i>Tasmi^c</i>	Menyemak bacaan al-Quran dan hafazan al-Quran
<i>Wa^ciy</i>	Memahami dan menghayati pengertian ayat al-Quran
<i>Qari</i>	Pengamal tarannum al-Quran.

TEKS RUJUKAN

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	'	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamal
ح	h	حديث	hadith
خ	kh	خالد	khalid
د	d	ديوان	diwan
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن	rahman
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarab
ش	sh	شمس	shams
ص	s	صبر	sabr
ض	d	ضمير	damir
ط	t	طاهر	tahir
ظ	z	ظهر	zuhr
ع	c	عبد	°abd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qadi
ك	k	كأس	ka's

ل	l	لبن	laban
م	m	مزمارة	mizmar
ن	n	نوم	nawm
هـ	h	هبط	habata
و	w	وصل	wasala
ي	y	يسار	yasar

Vokal Pendek

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
اَ	a	فَعَلَ	Fa ^c ala
اِ	i	حَسِبَ	hasiba
اُ	u	كَتَبَ	kutiba

Vokal Panjang

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
اَ ، اِ ، اِوْ	a	كاتب ، قاضي	katib, qada
يِ	i	كريم	karim
وِ	u	حروف	huruf

Diftong

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
اَوْ	aw	قول	qawl
يِ	ay	سيف	sayf
يِ	iyy/i	رجعي	raj ^c iyy / raj ^c i
اَوْ	uww/u	عدو	aduww / adu

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Al-Quran merupakan kitab agung yang Allah turunkan kepada junjungan besar Rasulullah S.A.W untuk disampaikan kepada umat manusia sekalian alam. Keagungan al-Quran itu dapat dilihat melalui kemukjizatannya daripada pelbagai aspek termasuklah aspek bacaan (Yusuf Ahmad 2005) yang mana al-Quran itu disampaikan oleh Allah kepada Rasulullah S.A.W dengan memiliki nada dan irama (M. Shihab 2000). Oleh yang demikian bacaan al-Quran perlulah kepada pembacaan sebagaimana ianya diturunkan kepada Rasulullah S.A.W (M. Shihab 2000).

Rasulullah S.A.W sendiri turut menegaskan di dalam sabdanya yang bermaksud:

زِينُوا الْقُرْآنَ بِأَصْوَاتِكُمْ فَإِنَّ الصَّوْتَ الْحَسَنَ يَزِيدُ الْقُرْآنَ حُسْنًا

“Perelokkanlah bacaan al-Quran itu dengan suara kamu, sesungguhnya suara elok sahaja yang boleh menambahkan keelokan bacaan al-Quran itu”

(Ahmad Abu Daud, Sunan Abu Daud: 1256)

Jika dilihat dari sudut sejarah penurunan al-Quran, bacaan al-Quran yang diajarkan secara *talaqqi* dan *musyafahah* kepada Rasulullah S.A.W bukanlah sekadar bacaan semata-mata, malahan ia diturunkan untuk difahami dan dihafal oleh Rasulullah S.A.W. Kegopohan Rasulullah S.A.W ketika penurunan wahyu tersebut dalam memahami dan menghafal wahyu yang disampaikan telah ditegur oleh Allah dalam surah al-Qiamah (ayat 16 dan 17). Teguran tersebut turut menyentuh aspek keindahan suara ketika membaca al-Quran (Al-Buti 1991). Catatan sejarah penurunan al-Quran itu telah membuktikan galakan kepada suara yang elok ketika membaca al-Quran. Ianya dijelaskan lagi di dalam sebuah hadis Rasulullah S.A.W yang mana baginda turut memuji golongan-golongan yang membaca al-Quran di samping memperelokkan suara ketika membacanya. Ini berdasarkan sabda Rasulullah S.A.W yang memuji Abu Musa al-Asya’ri yang bermaksud:

لَقَدْ أُعْطِيَ مِزْمَارًا مِنْ مِزَامِيرِ آلِ دَاوُدَ

“Sesungguhnya bertuah engkau telah dianugerahkan Allah dengan Mizmar

(suara cantik) dari jenis Mizmar keluarga nabi Daud.”

(al - Bukhari, Sahih Bukhari: 4660)

Allah SWT telah menurunkan ayat yang menyeru Rasulullah S.A.W memperelokkan suara ketika membaca al-Quran (Muzammil 73: 4). Nik Ja'afar (1998) telah menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan bacaan *tartil* dalam surah Muzammil ayat 4 tersebut adalah merangkumi tarannum, tajwid, *tahsin* dan *tazyin* dan beliau turut memperincikan bahawa tarannum merupakan sebahagian daripada kurikulum pendidikan al-Quran.

Oleh yang demikian, selayaknya kita sebagai makhluk yang dikurniakan Allah sebuah kitab yang maha agung ini seharusnya mengalunkan suara yang elok atau bertarannum ketika membaca al-Quran sebagaimana ianya telah diturunkan. Ianya merupakan satu sunnah kerana wahyu yang diturunkan oleh Allah kepada baginda juga turut diturunkan kepada umat manusia sekalian alam (Wan Zailan 2005). Di dalam sebuah hadis Rasulullah S.A.W juga turut menjelaskan bahawa tidak dikatakan golongan umat Rasulullah S.A.W sekiranya tidak mengalunkan bacaan al-Quran sebagaimana hadis yang bermaksud:

ليس منا من لم يتغن بالقرآن

“Bukan dari kalangan kami mereka yang tidak mahu melagukan dengan bacaan al-Quran”

(al- Bukhari, Sahih Bukhari: 6973)

1.2 Latar Belakang Kajian

Kelas Khas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran (KKQ) telah dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) sejak tahun 1986 hinggalah sekarang. Kini program KKQ dilaksanakan lagi dalam Kelas Aliran Agama (KAA) yang terdapat di sekolah-sekolah harian biasa sebagai medium perluasan SMKA (Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral) (JAPIM) (2002). Kemahiran membaca al-Quran merupakan salah satu cabang ilmu yang bergerak seiring dengan perkembangan ilmu-ilmu lain di dalam Islam dan ia saling melengkapi antara satu sama lain. Setiap umat Islam bertanggungjawab membaca al-Quran dengan betul dan bertajwid dan merupakan fardu ain bagi setiap individu Muslim untuk memperelokkan bacaan al-Quran (Sahli 2008). Pelbagai inisiatif dan alternatif yang dirangka dalam sukatan Kemahiran al-Quran di peringkat menengah dan rendah oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bagi melahirkan warga Malaysia yang celik al-Quran (Kementerian Pelajaran Malaysia 2004).

Usaha ini bermula dengan pendedahan awal di peringkat sekolah rendah dengan pengenalan kepada perkara-perkara asas kemahiran membaca al-Quran melalui kelas Fardhu Ain (KAFA) dan lanjutan di peringkat sekolah menengah yang dilaksanakan melalui kelas perkara asas fardhu Ain (PAFA). Sukatan KAFA dan PAFA ini memberi pendedahan kepada para pelajar di sekolah rendah dan menengah tentang perkara-perkara asas agama termasuk memberi penekanan khusus kepada kemahiran membaca al-Quran bermula daripada mengenal huruf-huruf al-Quran

sehinggalah para pelajar dapat membaca al-Quran dengan baik dan bertajwid. Kelas-kelas ini biasanya dijalankan di luar jadual waktu persekolahan, dengan peruntukkan masa selama 3 jam seminggu (Cawangan Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 1996).

Walau bagaimanapun, usaha murni yang telah dilaksanakan ini tetap diiringi dengan masalah-masalah yang pelbagai. Antara yang jelas dapat diperhatikan apabila para pelajar yang mengikuti kelas KAFA dan PAFA ini tidak dapat menguasai sepenuhnya kemahiran-kemahiran dalam pembacaan al-Quran akibat daripada kekangan masa, bebanan mata pelajaran yang lain dan sukatan pelajaran yang terhad (Sahli 2008). Oleh yang demikian, sebagai satu lagi usaha untuk memartabatkan al-Quran khususnya di peringkat sekolah menengah, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah merancang dan merangka untuk menubuhkan kelas kemahiran membaca dan menghafaz al-Quran (KKQ).

Pada peringkat awal penubuhan, kelas kemahiran al-Quran ini adalah di bawah pengurusan bahagian dakwah dan kepimpinan, Kementerian Pelajaran Malaysia. Namun pada tahun 1996, kelas khas ini telah beralih kepada Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pelajaran Malaysia. Di samping meneruskan lagi kesinambungan P&P al-Quran di peringkat sekolah rendah, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah menetapkan bahawa matlamat penubuhan KKQ ini adalah untuk memberi kemahiran membaca, menghafaz, memahami dan mendalami seni lagu al-Quran, bacaan *muktabar*, tafsiran yang jelas dan penghayatan yang menyeluruh tentang al-Quran dan isi kandungannya (Kementerian Pelajaran Malaysia 2004). Hal ini secara tidak langsung memberi pendedahan lanjutan kepada